

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI  
[ DUNGUN ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014 (KHAMIS)**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wan Hasan Bin Mohd Ramli [ Dungun ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dan faedah kepada rakyat Terengganu daripada projek kereta api Kerteh - Kuantan yang bermula pada 1 April 2004 dan telah ditamatkan pada 1 Oktober 2010 di bawah seliaan Petronas, setelah beroperasi selama 6 tahun.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek Jalan Keretapi Kerteh-Kuantan (KKRS) mula beroperasi secara komersil pada tahun 2004. Ianya bertujuan menyediakan perkhidmatan pengangkutan melalui rel untuk anak-anak syarikat PETRONAS yang beroperasi di Kerteh bagi bahan-bahan mentah dan produk-produk yang telah siap di antara kawasan-kawasan *Kertih Integrated Petrochemical Complex (KIPC)*, *Gebeng Integrated Petrochemical Complex (GIPC)* dan Pelabuhan Kuantan. Pekhidmatan ini tidak lagi beroperasi semenjak 2011 di atas faktor keselamatan operasi.

Di sepanjang tempoh projek KKRS beroperasi, penduduk Terengganu, secara tidak langsung, menikmati faedah daripada KKRS menerusi kelangsungan operasi anak-anak syarikat PETRONAS di kawasan tersebut. Faedah tidak langsung ini termasuklah mempertingkatkan akitiviti-aktiviti ekonomi di kalangan penduduk tempatan di kawasan dimana anak-anak syarikat PETRONAS beroperasi.

Untuk makluman, pihak Kerajaan Persekutuan, melalui Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), sedang dalam proses pengambilalihan projek KKRS tersebut daripada PETRONAS. Ini adalah bagi tujuan pembangunan berperingkat Projek Jalan Keretapi Pantai Timur (East Coast Rail Link). Proses ini mengambil masa lebih sedikit memandangkan ianya melibatkan impak kewangan yang besar daripada Kerajaan Persekutuan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN  
SAID [ Pengerang ]**

**TARIKH : 9 OKTOBER 2014**

**RUJUKAN : 7125**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Azalina binti Dato' Othman Said [ Pengerang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan Central Security Command Centre di Parlimen Pengerang untuk menyelaras isu-isu keselamatan memandangkan pembangunan pesat di kawasan tersebut turut melibatkan peningkatan populasi penduduk yang ketara serta pelbagai isu keselamatan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian belum bercadang untuk mewujudkan Central Security Command Centre di Parlimen Pengerang sepertimana yang dinyatakan dalam tempoh yang terdekat ini. Penubuhannya memerlukan kajian yang terperinci kerana melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan dan merentasi banyak kementerian, agensi Kerajaan dan pihak berkuasa yang lain. Kementerian akan mempertimbangkan cadangan yang bernas ini jika ada keperluan yang mendesak untuk dilaksanakan pada masa hadapan.**